

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 7 TAHUN 2015

PENGELUARAN PERMIT PEMINDAHAN BAHAN BATUAN (4C)

Arahan ini dikeluarkan untuk menarik perhatian Pentadbir Tanah Jajahan tentang tatacara pengeluaran permit pemindahan bahan batuan (4C).

2. Pihak Pengarah Tanah dan Galian telah menyemak amalan pengeluaran permit 4C oleh Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan dan mendapati terdapat Pejabat-pejabat Tanah telah mengeluarkan permit dengan tidak menyempurnakan borang permit dan mengabaikan perkara-perkara berikut :-

- i) Tidak menyatakan perihal mengenai tanah di mana bahan batuan akan diambil;
- ii) Tidak menyatakan jenis bahan batuan yang dibenarkan untuk dipindahkan; dan
- iii) Tidak menyatakan jumlah kuantiti maksimum bahan batuan yang boleh dikeluarkan oleh tempoh itu.

3. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan juga ingin menarik perhatian Pentadbir Tanah Jajahan bahawa pemeriksaan yang dilakukan oleh pihak Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan ke atas lori-lori yang mengangkut bahan batuan juga mendapati majoriti lori-lori pengangkut tersebut tidak membawa bersama Borang Jadual 13 (Doket Pengeluaran) semasa pemindahan dilakukan. Kegagalan membawa doket adalah merupakan bukti *prima facie* bahawa suatu kesalahan dibawah Seksyen 426 Kanun Tanah Negara 1965 telah dilakukan.

4. Sehubungan dengan itu, bagi memantapkan lagi pengurusan pengeluaran permit bahan batuan serta memperkemaskan lagi pemantauan dan penguatkuasaan maka Pentadbir Tanah Jajahan diminta mengambil langkah-langkah berikut :-

- 4.1. Memastikan borang 4C yang dikeluarkan adalah sempurna diisi.
- 4.2. Menghadkan tempoh pengeluaran sesuatu permit 4C kepada satu tempoh yang tidak lebih daripada satu (1) bulan.
- 4.3. Memasukkan syarat-syarat tambahan di dalam jadual sebagaimana berikut:-
 - (a) Permit ini dikeluarkan bersama buku Doket no siri _____ hingga _____ (Masukkan no siri doket). Doket hendaklah sentiasa dibawa semasa pemindahan bahan batuan dilakukan. Kegagalan menunjukkan doket kepada pegawai penguatkuasa semasa diminta menjadikan pemindahan itu dilakukan tanpa kebenaran yang sah dan tidak berkait dengan permit ini.
 - (b) Doket pengeluaran hendaklah diisi dengan sempurna dan ditandatangan oleh pemegang-pemegang permit bagi mengelakkan lori yang membawa bahan batuan ditahan untuk siasatan.
- 4.4. Memastikan syarat-syarat lain seperti dinyatakan di dalam Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan Bil 2/2007 terus dikuatkuasakan.

5. Dengan ini diharap semua Pentadbir Tanah Jajahan dapat melaksanakan arahan ini dengan sebaiknya bagi memastikan ketirisan hasil royalti bahan batuan dapat dikurangkan.

6. Arahan ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling PTG Bil 2/1989, Arahan PTG Bil 2/1991 dan Pekeliling PTG Bil 2/1999 dan ia berkuatkuasa serta merta.



DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMMAD , DPSK(Kelantan)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN.

KEPADA :

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Dato' Ustaz Menteri Besar Kelantan
2. YB.Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

**FAIL NO: PTG.KN. 32/69/JLD.4(7)
BERTARIKH : 16HB.DISEMBER, 2015**